

28/08/2005

Mahathir-Guru

KAJIAN SAINTIFIK PERLU DIJALANKAN UNTUK LIHAT BEBAN GURU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Satu kajian secara saintifik mengenai beban tugas yang ditanggung oleh guru-guru di sekolah kebangsaan perlu dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi melihat punca sebenar beban, kata Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, daripada kajian yang dijalankan itu nanti secara tidak langsung ia berupaya untuk mengetahui secara tepat apakah bebanan yang ditanggung oleh setiap guru.

"Kalau kita kata saja mungkin tak tepat, buat kajian antara Sekolah Kebangsaan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), buat kajian secara saintifik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya berkenaan sungutan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) yang mengatakana guru terpaksa menanggung beban tugas yang banyak selepas menghadiri majlis konvokesyen pertama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini.

Terdahulu Dr Mahathir dianugerahkan Ijazah Doktor Sains Kehormat oleh universiti pada majlis konvokesyen itu. Anugerah itu disampaikan oleh Pengerusi Majlis UTAR Tun Dr Ling Leong Sik.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden MCA, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting. Konvokesyen kali pertama ini menyaksikan seramai 2,083 orang graduan menerima ijazah dalam bidang masing-masing.

Sementara itu, Haslina Mohd Hassan, 24, pelajar Melayu tunggal di UTAR yang ditemui melahirkan rasa gembira kerana mampu bersaing dengan para pelajar yang majoritinya bukan Melayu.

Haslina, graduan jurusan Pengurusan Perniagaan, melahirkan kegembiraannya kerana mampu bersaing dengan pelajar bukan Melayu di universiti itu berbanding pengalamannya semasa menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Walaupun beliau "tidak mendapat kelas pertama tetapi saya sudah buktikan bahawa saya mampu bersaing dengan pelajar bukan Melayu, saya berjaya melepasi tembok itu", katanya kepada pemberita selepas majlis itu.

Haslina, yang berasal dari Segamat dan mahir dalam bahasa Mandarin, berkata pada mulanya beliau takut bila meyambung pelajarannya di UTAR, bagaimanapun perasaan itu berjaya diatasi selepas mendapat kerjasama dan bantuan daripada rakan-rakan, pensyarah dan juga dekan.

-- BERNAMA

LIB HK PR